

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif & Seni Persembahan
Sent: 18 Februari 2017 13:03
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: TOT eGHI RANGSANG MINAT PESERTA UNTUK BERNIAGA SECARA FREELANCE



Pusat Pengajian
Pengurusan Industri Kreatif
dan Seni Persembahan
SCHOOL OF CREATIVE INDUSTRY MANAGEMENT AND PERFORMING ARTS
Universiti Utara Malaysia

18 FEBRUARI 2017 / 21 JAMADILAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum / Salam Sejahtera

Tuan/Puan

TOT eGHI RANGSANG MINAT PESERTA UNTUK BERNIAGA SECARA *FREELANCE*



SCIMPA ONLINE: Kira-kira 30 orang peserta yang terdiri dari pensyarah dan pelajar Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif & Seni Persembahan (SCIMPA), Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC), Pusat Pengajian Pengkomputeran dan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia telah menyertai bengkel latihan 'Training of Trainers' eRezeki Global High Income (TOT eGHI) yang berlangsung selama tiga hari bermula 5 hingga 7 Februari 2017.

Bengkel latihan ini dikelolakan oleh Digital Content Alliance (DCA) yang merupakan rakan strategik Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC). eRezeki Global High Income adalah salah satu sub-program di bawah program e-rezeki yang mensasarkan golongan bakal graduan untuk menjana pendapatan secara digital melalui konsep *crowdsourcing*.

Melalui bengkel ini, para peserta diperkenalkan asas *crowdsourcing* dan platform-platform *crowdsourcing* yang menawarkan kerja-kerja digital seperti Upwork.com dan Freelancer.com. Kerja-kerja digital yang ditawarkan melalui platform-platform ini memerlukan peserta yang mempunyai set kemahiran tertentu terutamanya dalam bidang IT, rekabentuk & Kreatif, dan linguistik.

Pada hari pertama latihan, para peserta mula meneroka platform *crowdsourcing* yang pertama iaitu Upwork.com di mana mereka diajar untuk mencari kerja-kerja digital yang sesuai dengan minat dan kemahiran masing-masing. Mereka diberi pendedahan mengenai cara yang betul untuk membina profil dan portfolio berdasarkan kemahiran masing-masing. Terdapat pelbagai kerja digital yang ditawarkan antaranya merekabentuk logo, merekabentuk laman web, animasi, menyunting gambar, penterjemahan dan banyak lagi.

Pada hari kedua pula, satu lagi platform telah diperkenalkan iaitu Freelancer.com. Salah seorang peserta iaitu Tuan Zalizam Tuan Muda, telah berjaya memperolehi tugas digital untuk merekabentuk logo dan telah pun menerima bayaran sebanyak USD5. Walaupun nilainya kecil, untuk permulaan pengalaman seperti ini sangat penting untuk memahami proses dan membina keyakinan untuk terus berniaga.

Bengkel latihan selama tiga hari ini telah membuka mata para pelajar dan pensyarah tentang peluang menjana pendapatan secara atas talian melalui perniagaan digital. Ilmu yang telah diperolehi bakal dikongsikan kepada pelajar-pelajar lain di dalam kelas termasuk melibatkan tugas kelas sekaligus mempersiapkan para pelajar dengan ilmu keusahawanan sebelum mereka bergraduasi.

Sekian dan salam hormat.

=====
PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN INDUSTRI KREATIF DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN
TEL.: 04 - 928 6451/6454
FAKS : 04 - 928 6455



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.